

PERTUMBUHAN KESEDARAN SOSIAL ORANG-ORANG MELAYU DI MELAKA PADA TAHUN-TAHUN 1920AN DAN 30AN*

Oleh
AHMAT ADAM

Ketahuilah ayuhai tuan-tuan . . . bahawa sanya setengah daripada sifat-sifat kemajuan itu yalah perusahaan daripada orang-orang yang berkuasa pada memperbuati sesuatu tujuan yang dihadapan itu yalah berkehendakkan kepada persetujuan dan pertubuhan ramai. Jika sekira-tidak dengan hal yang demikian ini bolehlah dikatakan hampir-hampir mustahil pada akal akan membawa ke jalan kesempurnaan dan ketangga kemajuan. Dengan sebab itu ayuhai kaumku dan bangsaku yang mulia marilah kita beramai-ramai menurut mencari jalan kemajuan bangsa supaya bangkit daripada tidur yang lenyap hingga tidak kedengaran tempik sorak bangsa-bangsa yang telah maju mudah-mudahan dengan berkat tuan-tuan sekalian itu dapatlah kita meninggikan nama kaum bangsa. Jika kita semuanya bersungguh-sungguh bertugal satu hati membuat pekerjaan kepada am bagi perhimpunan kaum bangsa nescaya lama kelamaan terhapuslah sekali daripada sifat tercicir ke belakang. . . ”¹

Seruan ungkapan kata-kata diatas akan dapat menyimpulkan pandangan serta sikap umum yang terdapat dikalangan para cendikiawan Melayu menjelang meletusnya perang pasifik. Sentimen yang demikian rupa bukan saja wujud pada hati nurani para intelek pribumi di Melaka saja tetapi juga di Tanah Melayu umumnya. Deked-deked ketiga dan keempat abad keduapuluh ini dapat dilihat sebagai suatu

* Makalah ini adalah berdasarkan kertas-kerja yang telah disediakan dan dibentangkan pada Seminar Sejarah Negeri Melaka yang berlangsung pada 14–18 Disember 1976. Beberapa pindaan telah dibuat di sana sini untuk mengemaskinikan essei ini.

1 *Suara Benar*, no. 2. 6 September, 1932.
2 Bagi masyarakat Melayu dizaman pra-Merdeka, institusi kesultanan itu adalah penting bagi memelihara kepentingan-kepentingan kaumnya di bidang-bidang politik, ekonomi serta agama dan adat resamnya. Dalam struktur kepemimpinan Melayu tradisional, Sultan merupakan mercu kepada sistem dan struktur itu. Pada keperibadian raja itulah terhimpun ‘daulat dan kuasa’ yang memberikan kewibawaan dan hak untuk memelihara kesejahteraan kerajaan dan rakyatnya. Bagi orang-orang Melayu, Raja itu adalah penyelamat dan pelindung agama Islam yang dianutinya. Bahawa orang-orang Melayu itu bergantung kepada kepemimpinan feudal yang tradisional dizaman kolonial dahulu adalah satu hakikat sejarah. Kehilangan simbol kepemimpinan tradisional ini akan berarti putusnya sumber kepemimpinan bagi orang-orang Melayu justru ketiadaan gulungan lain untuk memimpin pada zaman sebelum lahirnya cerdik-pandai dan gulungan menengah Melayu. Bagi orang-orang Melayu Melaka, penggantian peranan oleh datuk-datuk demang dan penghulu dizaman penjajahan itu tidak sama kesannya dengan apa yang berlaku di negeri-negeri Melayu yang kepemimpinannya masih tertumpu kepada Raja. Satu kesan yang nyata yaitu kekosongan kepemimpinan bagi masyarakat Melayu Melaka telah melambatkan timbulnya kesedaran sosial, ekonomi dan politik. Sumber kepemimpinan kini menghala kepada kerajaan kolonial yang dapat berlaku sewenangan terhadap rakyat yang diperintah.

tahap dimana kesedaran sosial itu telah mulai terjelma di kalangan ke pemimpinan orang-orang Melayu Melaka yang sudah tentu merupakan hasil dari dorongan beberapa faktor dan gejala perubahan kemasyarakatan di negeri ini.

Menjelang 1900 negeri Melaka sudah mencapai hampir 390 tahun penjajahan yang datang silih berganti. Dalam jangka waktu yang begitu panjang. Melaka dan rakyatnya telah dipaksakan menerima sistem-sistem politik, birokrasi, ekonomi dan hukum serta nilai-nilai sosial yang baru oleh penjajah-penjajahnya. Yang paling penting sekali ialah pencabutan institusi kesultanan-kesultanan serta simbol-simbol ketuanan pribumi Melaka sejak 1511. Selepas Portugis dialahkan oleh Belanda pada tahun 1641 Melaka mengalami pula pemerintahan Kompeni Hindia Timor Belanda selama 154 tahun. Revolusi Perancis yang tercetus telah menyebabkan Belanda menyerahkan Melaka ke tangan British pada tahun 1795 sehingga ianya dikembalikan semula kepada Belanda dalam tahun 1818 yang kemudiannya dalam tahun 1824 menyerahkannya kembali kepada British sebagai tukaran dengan Benkulen.

Sejak itu Melaka telah mengalami beberapa perubahan³ yang dijalankan oleh British sehingga kemasukan Jepun pada tahun 1942. Kalau Belanda dahulu, sesudah menaikti Melaka dari Portugis, telah menjadikan Melaka sebagai tapak bergerak dalam usahanya hendak mengenakan monopoli pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu⁴ maka pada zaman pemerintahan British, Melaka, disamping Singapura dan Pulau Pinang, telah menjadi tempat membuat percubaan-percubaan dalam bidang pentadbirannya, istimewanya bidang pendidikan dan penyusunan kanun tanah.⁵ Malah, selain dari itu, kemaraan British ke negeri-negeri Melayu pada awal tahun-tahun 1870an itu adalah dilancarkan dari Negeri-negeri Selat yang berjiran, yang mana salah satu daripadanya ialah Melaka.⁶

3 Pada tahun 1826, Melaka bersama-sama dengan Singapura dan Pulau Pinang telah digabungkan menjadi sebuah *presidency*. Pada tahun 1830 ketika *presidency* ini dileburkan Negeri-negeri Selat telah ditempatkan dibawah kawalan Gabenor dan *Council of Bengal* dan hanya pada tahun 1851 Negeri-negeri Selat ditempatkan dibawah pengurusan Gabenor Jeneral India. Pada 1867 pula Melaka, Singapura dan Pulau Pinang telah dipindahkan dari pentadbiran *India Office* ke *Colonial Office* di London. Mengenai sejarah perkembangan Negeri-negeri Selat lihat L.A. Mills, *British Malaya, 1824–67*, OUP, K.L., 1966; juga C.M. Turnbull, *The Straits Settlements, 1826–67* OUP, K.L., 1972.

4 L.A. Mills, *op. cit.*, h. 13.

5 Dalam bidang pendidikan Negeri-negeri Selat, Pulau Pinang dan Melaka telah mempelopori pembukaan sekolah-sekolah Inggeris. Di Melaka, sekolah Inggeris pemerintah yang pertama dan yang kedua tuanya di Tanah Melayu ialah Malacca Free School yang ditubuhkan dalam tahun 1826. Sekolah ini mula-mulanya diasaskan oleh J.H. Moor, seorang wartawan yang menerbitkan *Malacca Observer* antara tahun 1826–29. *Ibid.*, h. 335. Moor juga telah menjadi guru besar Malacca Free School. Brian Harrison, "The Anglo-Chinese at Malacca, 1818–1843" dalam C.D. Cowan & O.W. Wolters (eds.), *Southeast Asian Historiography*, Cornell, Ithaca, 1976, h. 247. Tentang kanun tanah, beberapa tindakan dan peraturan telah dilaksanakan oleh British mengenai hak milik tanah dan cukai. Lihat M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya*, OUP, K.L., 1972, hh. 91–11. Cf. Mills, *op. cit.*, bab VI, *passim*.

6 Rex Stevenson, *Cultivators and Administration*, OUP, K.L., 1975, h. 11.

Dalam membicarakan perubahan sosial orang-orang Melayu di Melaka pada awal abad ini tidaklah dapat kita lari dari melihat terlebih dahulu akan perkembangan pelajaran orang-orang Melayu Melaka yang menjadi *catalyst* kepada perubahan-perubahan sosial itu. Sungguhpun pertengahan abad ke 19 telah menyaksikan pertumbuhan sekolah-sekolah Melayu di Melaka⁷ namun peristiwa yang menjadi *turning point* dalam sejarah perkembangan pendidikan Melayu di Melaka ialah penubuhan Maktab Melayu pada 1 Mac, 1900.⁸ Maktab ini didirikan berikutan dengan penutupan Maktab Perguruan Melayu Singapura dalam 1894⁹ dan Maktab Perguruan di Taiping yang hanya sempat wujud selama kira-kira dua tahun saja setelah dibuka dalam bulan Julai 1898 atas usaha-usaha kerajaan-kerajaan Perak dan Selangor.

Penubuhan Maktab Perguruan di Melaka didorong oleh masaalah tenat yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Melayu di Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan negeri-negeri Melayu yang lain yaitu kekurangan guru-guru terlatih. Jadi, bila maktab itu dibuka maka pelajar-pelajar dari negeri-negeri tersebut telah diberi peluang untuk belajar. Menjelang tahun 1902 terdapat lima puluh tiga orang pelajar pelatih di maktab itu.¹⁰ Pada tahun 1906 pula bilangan penuntutnya telah meningkat ke lapan puluh orang.¹¹ Penegakan Maktab Melayu ini dikatakan penting justru kerana dengan kewujudannya itulah maka bermulanya lahir gulungan cendikiawan peribumi di Melaka dan secara tidak langsung membuka mata

-
- 7 Sekolah Melayu yang paling awal dibuka ialah pada tahun 1816. Sekolah ini telah diusahakan oleh C.H. Thomsen, seorang mubaligh Keristian dari London Missionary Society, yang tiba di Melaka dalam tahun 1815. Thomsen belajar bahasa Melayu dari Munshi Abdullah. Dalam tahun 1819 dia telah menerbitkan buku ejaan Melayu. Mengikut Newbold, dalam tahun-tahun 1832–35, ketika London Missionary Society membayai Anglo Chinese College, beberapa buah sekolah Melayu dan China telah juga ditampung oleh badan mubaligh itu. Lihat Thomsen, dalam Cowan & Wolters, *op. cit.* h. 248. Juga T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, OUP, (ulang cetak), K.L. 1971, hh. 185–186. Cf. Begbie, *The Malayan Peninsula*, Madras, 1834, h. 369.
- 8 Maktab yang pengetuanya seorang Europah ini telah membentuk satu karikulum yang mengandungi pelajaran kesusasteraan Melayu, ilmu kira-kira, prinsip-prinsip dan kaedah mengurus sekolah, lukisan dan kerja-kerja tangan seperti ilmu pertukangan untuk di ajar-kan kepada penuntut-penuntutnya. Kursus yang diberikan ialah selama dua tahun. Lihat Rex Stevenson *op. cit.*, hh. 87–90. Lihat juga Ramlah Adam, "Maktab Melayu Melaka", Latihan ilmiah (Sarjana Muda Sastera), University Malaya, 1972.
- 9 Tarikh ini lebih tepat dari tarikh yang diberikan oleh Awang Had Salleh. Stevenson yang menggunakan sumber yang lebih sahih menyatakan Maktab di Teluk Belanga itu terpaksa ditutup bersama-sama dengan 22 buah sekolah Melayu kerana sumber kewangannya diputuskan oleh kerajaan British akibat bertambahnya perbelanjaan ketenteraan. Tarikh 1899 yang diberikan oleh Ramlah Adam itu tidak berdasas. Lihat Stevenson *op. cit.*, h. 22 nk. 50.
- 10 Ramlah Adam, *op. cit.*, h. 10.
- 11 Kita tidak mempunyai rekod tentang berapa ramai penuntut-penuntut ini yang datang dari Melaka tetapi pada tahun 1916 jumlah penuntut Melaka yang belajar di maktab itu ialah 15 orang dari seramai 72 orang penuntut. Lihat Awang Had Salleh, *op. cit.*, h. 43. Ramlah Adam memberikan bilangan penuntut dari Melaka hanya 14 orang.

penduduk Melayu Melaka akan peri pentingnya pelajaran sekular.¹² Sebagai sebuah negeri yang telah sekian lama dijajah, Melaka juga mengalami ketandusan kepemimpinan Melayu. Kalau negeri-negeri Melayu yang lainnya mempunyai Sultan-sultan dan pembesar-pembesar yang merupakan kepemimpinan tradisional peribumi, negeri Melaka hanyalah mempunyai Datuk-datuk Demang dan Penghulu yang sungguh pun mempunyai unsur-unsur kepemimpinan tradisional tetapi nyata tidak mempunyia apa-apa keistimewaan, baik dari segi kewibawaan kepemimpinan mahu ilmu pengetahuannya.¹³ Akibat kekurangan pelajaran yang secukupnya maka penghulu dan demang itu lebih berperanan sebagai alat suruhan birokrasi British daripada menjadi pemimpin-pemimpin rakyat yang tulin.

Betapa pun demikian, sekali pun Maktab Melayu Melaka wujud hingga ke tahun 1922, ia tidak pula melahirkan tokoh-tokoh pemimpin yang benar-benar dapat memimpin dan menggerakkan masyarakat Melayu Melaka menuju ke arah kemajuan.¹⁴ Hal ini mungkin disebabkan oleh alam keliling kemasyarakatan orang-orang Melayu yang masih belum sedar atau pun masih tidak nampak jalannya untuk memperbaiki nasib mereka dalam bidang-bidang sosial dan ekonomi. Jadi kewujudan sebuah maktab perguruan di Melaka hanyalah sebagai pembuka mata yang bakal menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Melayu.¹⁵

-
- 12 Sebelum Maktab Melayu dibuka telah ada juga sedikit-sedikit guru-guru Melayu yang lulus dari Maktab Perguruan Melayu Singapura itu.
- 13 Berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang beraja, sejak dua dekad terakhir abad ke 19, usaha-usaha telah dijalankan untuk memberi pelajaran Barat kepada anak-anak raja dan orang-orang bangsawan. Misalnya Raja Mansur, anak Sultan Abdullah, bekas Sultan Perak yang disingkirkan oleh British itu telah pergi belajar di Raffles Institution pada 7 Jun 1877. Ia kemudiannya di ikuti oleh adiknya, Raja Chulan. Kedua-dua mereka itu telah tidak lama kemudiannya bersekolah di High School Malacca. Kedua-kedua putera raja Perak itu telah bekerja dalam Perkhidmatan Awam, masing-masing dalam tahun 1883 dan 1886. Tentang pendidikan sekular bagi gulungan aristokrat Melayu, sila lihat Rex Stevenson, *op. cit.*, hh. 144–168. Kedahagaan kepemimpinan dari Datuk-datuk Demang dan Penghulu ini sebenarnya selalu dikeluhkan dan dikeritik oleh orang-orang Melaka hingga tahun tiga puluhan. Misalnya seorang pembaca akhbar *Suara Benar* pernah merungut bahawa demang dan penghulu di Melaka tidak mengambil dayausaha buat memajukan masyarakat Melayu. Lihat *Suara Benar*, , No. 6, 20 September 1932. Lihat juga *Suara Benar*, No. 9, 30 September 1932 dalam mana penghulu-penghulu telah di seru supaya berbuat sesuatu kerana katanya, “Datuk-datuk semualah ganti raja-raja dan orang-orang besar di Melaka ini tempat anak-anak buah datuk mengadukan sebarang perkara baik atau buruk.”
- 14 Namun ada kekecualianya. Cikgu Abdul Hadi Hassan sejarawan terkenal itu adalah lulusan dari Maktab Melayu Melaka (1917–19), dan telah bertugas sebagai guru di beberapa tempat di Melaka. Beliau juga pernah mengajar di Maktab Melayu Melaka dan kemudian berkhidmat di Tanjung Malim bila Maktab Perguruan Sultan Idris ditubuhkan. Tetapi jasa-jasanya banyak ditaburkan di luar negeri Melaka. Beliau telah berkhidmat di Kelantan sebagai Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu pada tahun 1929 hingga 1933. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1937.
- 15 Lagi pun benih yang telah ditanam pada zaman awal penubuhan Maktab Perguruan Melayu Melaka itu hanya melahirkan buahnya setelah Maktab Perguruan di Tanjung Malim dibuka. Dari situ lahirlah bakal-bakal pemimpin Melayu Melaka yang turut berkecimpung dalam pertubuhan-pertubuhan yang didirikan menjelang kemasukan Jepun.

Perkembangan pelajaran sekular dan pertumbuhan kesedaran sosial nyata agak lambat prosesnya di Melaka. Demikian juga halnya dengan perkembangan pelajaran agama. Menjelang awal abad ke 20 setakat yang diketahui Melaka agak ketinggalan dan terkebelakang juga dalam usaha mendirikan sekolah-sekolah agama. Mengikut laporan-laporan yang ada, pelajaran agama di Melaka pada zaman sebelum 1900 hanya diberikan secara yang tidak begitu teratur dan memuaskan. Newbold dan Abdullah mengatakan pendidikan bagi anak-anak Melayu Melaka hanya berupa pelajaran membaca dan menulis tulisan Jawi serta menghafal surah-surah dari Quran.¹⁶ Pelajaran agama seperti ini diberikan di rumah-rumah tok guru, di surau dan di mesjid-mesjid.

Sekolah agama atau sekolah Arab yang pertama-tama didirikan di Melaka adalah sekolah Al-Hadi yang muncul pada tahun 1913 di Banda Kaba.¹⁷ Pengasas sekolah ini, Sayid Syeikh Al-Hadi adalah seorang tokoh kaum muda agama.¹⁸ Beliau lahir di Melaka pada kira-kira tahun 1862. Ibunya seorang Melayu dan bapanya bangsa

Pada tahun 1924 terdapat 88 buah sekolah Melayu di Melaka. Dibandingkan dengan negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dan negeri-negeri Melayu yang lain ternyata Melaka mempunyai bilangan yang lebih besar. Tetapi Pulau Pinang mempunyai 98 buah sedangkan Perak mempunyai 230 buah sekolah Melayu pada 1924. Lihat Awang Had Salleh, *op. cit.*, h. 15.

- 16 T.J. Newbold, *op. cit.*, h. 171. Lihat juga *Hikayat Abdullah* Jilid 1, Pustaka Antara, K.L., 1963, hh. 76–77.
- 17 Ada pendapat yang menyatakan sekolah itu tertubuh dalam tahun 1916. Lihat misalnya Mohamad b. Ismail, "Keadaan Sosial Orang-orang Melayu Sebelum Perang di Melaka", Latihan Ilmiah (Sarjana Muda Sastera), Universiti Malaya, 1972, h. 17; dan Abdul Aziz bin Mat Ton, "Gerakan Ansarul Sunnah Dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka", Latihan Ilmiah (Sarjana Muda Sastera), University Malaya, 1972, h. 34.
- Tetapi tahun 1913 dikira lebih menasabah lagi. Pada tahun yang sama Sayid Syeikh Al-Hadi telah berhenti dari jawatan peguam Syariah di Johor dan bertolak ke Melaka. Pada pertengahan tahun 1914 pula apabila Madrasah al Mashhor di buka di Pulau Pinang beliau telah di undang untuk memegang jawatan mudir (guru besar) di Madrasah itu.
- Lihat Mohd Sarim b. Hj. Mustajab, "Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, 1900–1940an", Tesis Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975, h. 47. Cf. S.H. Tan, "The Life and Times of Sayid Syeikh Al-Hadi", Graduation Exercise, University of Malaya (Singapore), 1961.
- 18 Aliran kaum muda mempunyai tanggapan bahawa sikap yang rasional terhadap agama dengan berdasarkan kepada sunnah Quran dan Hadith adalah perlu untuk membebaskan umat Islam dari amalan-amalan khurafat dan bid'ah yang menghambat kemajuan. Aliran ini telah sampai ke Tanah Melayu melalui ulama-ulama dari Sumatra Barat pada awal abad ini. Majallah *Al-Imam* yang terbit di Singapura dalam tahun 1906 dan *Al-Munir* yang terbit di Padang dalam tahun 1911 telah mendatangkan *impact* yang sangat berkesan kepada masyarakat-masyarakat Islam di Minangkabau dan di Tanah Melayu umumnya. Untuk perbicaraan lanjut tentang aliran kaum muda ini sila lihat Taufik Abdullah "Modernization in the Minangkabau World: West Sumatra in the Early Decades of the Twentieth Century" dalam Claire Holt, *Culture and Politics in Indonesia*, Cornell, Ithaca, 1972. Lihat juga Ahmad Adam, "The Vernacular Press in Padang, 1965–1913" dalam *Akademika*, No. 7, July 1975 dan Hamka, *Ajahku, Riwayat Hidup Haji Ab. Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatra*, Djakarta, (edisi ketiga) 1957, hh. 230–232. Lihat juga W.R. Roff, "Kaum Muda — Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900–1941", dalam K.G. Tregonning, *Papers on Malayan History*, Singapore, 1962, hh. 162–192.

Arab keturunan.¹⁹ Sekolah Al-Hadi di Banda Kaba yang didirikannya itu beraliran kaum muda dalam ertikata bahawa guru-gurunya terdiri dari tokoh-tokoh kaum muda agama yakni termasuklah Sayid Syeikh sendiri dan Syeikh Tahir Jalaluddin, pengarang *Al-Imam*²⁰ yang terkenal itu, yang sekali sekala datang mengajar di Sekolah Al-Hadi. Tetapi sekolah ini tidak panjang usianya.

Selang tak berapa lama sekolah itu terpaksa ditutup kerana tidak mendapat sambutan dari orang-orang Melayu Melaka.²¹ Walaupun pengasas dan gurunya seorang reformis Islam yang gigih dizaman itu namun pemikiran dan idea-idea yang dibawanya i.e. fahaman kaum muda ternyata ditentang keras oleh orang-orang Melaka Tengah.²² Sementelahnya pula Sayid Syeikh tidak disukai malah dianggap keras dalam sikap serta pengangan kaum mudanya. Syarahan-syarahannya dipulaukan oleh golongan yang anti-kaum muda.²³ Maka justru kerana itu akhirnya Sayid Sheikh telah meninggalkan Melaka dan berhijrah ke Pulau Pinang pada tahun 1914.²⁴ Usaha mendirikan sekolah Arab kemudiannya telah diteruskan oleh Haji Abu Bakar bin Ahmad atau lebih terkenal dengan nama Haji Bachik.²⁵

Haji Bachik telah menggaji guru-guru yang pada mulanya berkelulusan dari Mesir tetapi sejak tahun 1924 guru-guru dari Minangkabau yang berfahaman kaum muda telah dimasukkan.²⁶ Mata-mata pelajaran yang diajarkan yalah bahasa Arab,

19 Tentang Sayid Syeikh Al-Hadi, lihat W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, K.L., 1967, hh. 59–63. Lihat juga S.H. Tan, *op. cit.*

20 Tentang *Al-Imam* dan Syeikh Tahir lihat Roff, *op. cit.*, hh. 56–66.

21 Penulis tidak dapat mempastikan bila sekolah ini ditutup. Tetapi yang nyata ialah bokti-bokti telah terserlah kini bahawa semenjak kira-kira pertengahan tahun 1914 Sayid Syeikh tidak lagi berada di Melaka. Beliau telah perhijrah ke Pulau Pinang. Lihat Mohd. Sarim, *op. cit.*, h. 365 dan 367.

22 Gerakan kaum muda atau gerakan Ansarul Sunnah lahir sebagai reaksi terhadap kebekuan penafsiran agama Islam oleh orang-orang yang semata-mata berpegang kepada taqlid. Gulungan kaum muda yang menerima pengaruh dari Indonesia ini menentang gulungan tua yang mewajibkan agar mengikut satu-satu mazhab sahaja. Orang-orang kaum muda menyeru supaya ijтиhad dikembalikan untuk mencari sumber Islam. Perkelahian atau pukul memukul telah dilaporkan berlaku akibat pertelaghan fahaman ini. Syeikh Tahir Jalaludin sendiri dikatakan telah dipukul di Masjid Kampung Keling. Di Alor Gajah pula satu pergaduhan telah berlaku diantara puak kaum muda dengan kaum tua. Lihat Aziz Mat Ton, *op. cit.*, hh. 37, nk. 1, 40. Lihat juga *Suara Benar*, No. 27, 2 Disember, 1932.

23 Aziz Mat Ton, *op. cit.*, h. 35.

24 Sayid Sheikh telah berkhidmat di Madrasah al-Mashhor sebagai guru besar (mudir) yang pertamanya apabila sekolah itu dibuka pada pertengahan tahun 1914 itu. Lihat *op. cit.*, Lihat juga *Neracha*, No. 141. Tahun 4, 24 June 1914, h. 2.

25 Haji Bachik seorang hartawan yang terkenal kerana kebijakkannya terhadap pelajaran. Beliau telah mendermakan sebuah dewan dan tiga bilik darjah pada bangunan High School Malacca. Beliau juga telah mendermakan enam bilik darjah untuk Sekolah Al-Mashhor yang dituhuhkan oleh Sayid Syeikh di Pulau Pinang. Beliau sebenarnya bersahabat baik dengan Sayid Syeikh dan telah menampung pembiayaan Sekolah Al-Hadi. Lihat *Ibid.*, h. vii, Mohamad Ismail, *op. cit.*, h. 18.

26 Diantara guru-guru itu yalah Kassimuddin, Yusof Effendi, Sultan Minan dan Abbas Yatim.

membaca Quran dan bab-bab agama Islam. Mungkin kerana pembawaan dan keperibadian Haji Bachik, sendiri atau mungkin kerana sumber kewangannya yang mantap, sekolah di Jalan Chan Koon Cheng itu lebih panjang usianya. Oleh kerana fahaman kaum muda yang dibawakan oleh guru-gurunya, maka kegagalan Sayid Syeikh Al-Hadi nampaknya telah dapat ditebuskan sedikit oleh Haji Bachik yang ternyata juga seorang yang berfahaman kaum muda secara peribadi. Dengan itu juga berarti bahawa polemik antara kaum muda dengan kaum tua itu semakin rancak dan seolah-olah akan mencetuskan krisis sosial yang meluas seperti mana yang telah berlaku di Minangkabau pada period yang sama.

Adalah menjadi cemuhan kaum tua apabila kaum muda membolehkan sembahyang tanpa songkok, memakai talileher dan membolehkan orang-orang yang suda naik haji tidak memakai serban serta memotret gambar dan menuntun filem. Orang-orang kaum muda pula sengaja menunjuk-nunjukkan amalan dan cara pakai-an yang tidak disukai oleh kaum tua itu, seperti sembahyang Hari Raya memakai celana panjang, bertalileher dan juga dalam lain-lain hal yang bertentangan dengan adat kebiasaan.²⁷

Tahun-tahun dua puluhan dan tiga puluhan boleh dikatakan jangka waktu yang menyaksikan kerancakan perbahasan-perbahasan dan polemik di antara kaum muda dan kaum tua ini.²⁸ Fahaman ini tidak terhad kesannya di daerah Melaka Tengah sahaja tetapi terus menjalar ke Alor Gajah dan Jasin, dimana tokoh-tokoh kaum muda yang mendapat didikan di Timor Tengah dan Sumatra Barat telah menolong menyebarkannya. Di Alor Gajah, fahaman ini telah diperkenalkan oleh Syeikh Tahir Jalaludin yang datang ke daerah itu dalam tahun-tahun 1926 dan 1927 serta menyebarkannya di Kampung Baharu, Alor Gajah.²⁹ Mengenai soal mendapatkan guru-guru dari Sumatra Barat pula, Syeikh Tahir telah menyumbang-kan kerjasamanya. Pada tahun-tahun tiga puluhan nama-nama seperti Pakih Sunan, Engku Sati, Pakih Ahmad dari Minangkabau dan tokoh-tokoh tempatan seperti Haji Ahmad Amin dan Haji Talib Karim juga memainkan peranan dalam penyebaran fahaman ini. Manakala di Jasin pula Haji Ahmad Amin adalah tokoh kaum muda

Dalam pada itu terdapat seorang yang berasal dari Yugoslavia, yakni Ibrahim Al Mulla Al-Azhar yang mengajar disekolah itu. Aziz Mat Ton, *op. cit.*, h. 36.

27 *Ibid.*, h. 37.

28 Pada tahun 1932 dan 33, ketika *Suara Benar* dieluarkan di Melaka, pihak kaum tua yang disokong oleh pengarang dan pemilik *Suara Benar* telah menyiaran dengan kerapnya tulisan-tulisan yang menyelar dan mencaci gulungan kaum muda. Ulama-ulama kaum tua menuduh pula kaum muda itu sebagai gulungan orang-orang Wahabbi. Pada tahun 1932 soal pengharaman ketuk-ketuk dan soal riba telah heboh diperkatakan di Melaka. Issue ini menjadi *controversial* apabila Syeikh Hassan Al-Yamani telah mengeluarkan fatwa mengharamkannya. Ketuk-ketuk dikatakan menyamai naqis kaum Nasrani memanggil sembahyang digereja. Pada bulan September 1932, untuk mencari penyelesaian satu muzakarah telah diadakan untuk membahaskan soal-soal ketuk-ketuk dan soal riba itu. Gulungan kaum tua yang telah diketuai oleh Haji Abdul Latiff bin Haji Tambi dan Haji Khalil bin Haji Hassan telah mengeluarkan hujjah-hujjah yang menentang fatwa Syeikh Hassan yang dikatakan seorang ulama Wahabbi.

29 Aziz Mat Ton, *op. cit.*, h. 39.

yang bertanggungjawab dalam usaha menyebarkan fahaman kaum muda ini, yaitu sekembalinya beliau dari Mekah pada tahun 1939.³⁰ Usaha ulama ini buat permulaannya yalah mendirikan sekolahnya yaitu Madrasatul Dinniah di Terentang, Jasin pada awal 1940³¹

Usaha-usaha kaum muda Melaka untuk mengembangkan pengaruhnya walau bagaimanapun, tidak mendatangkan kesan yang begitu mendalam. Kalau di Sumatra Barat pergerakan kaum muda telah menampakkan kesan yang positif khususnya di bidang pendidikan agama yakni sekolah-sekolah beraliran kaum muda banyak terdiri, keadaannya di Melaka tidak demikian. Selain dari sekolah-sekolah yang telah diusahakan seperti yang dibicarakan di atas, sekolah-sekolah agama yang lain yang terdiri pada zaman yang ditinjau ini tidak menampakkan kecondongannya terhadap aliran kaum muda. Pada tahun 1918 di Air Molek, telah tertubuh Madrasatul Khairyah Muhammadiyah yang diusahakan oleh Haji Abdul Rahman Firdaus, seorang peranakan Arab dari Sumatra.³² Di Paya Rumput pula terdapat sekolah pondok yang telah didirikan dalam tahun 1923 oleh Haji Md. Zain bin Haji Abdul Rahman dengan bilangan penuntutnya seramai 30 orang.³³ Tujuh tahun kemudian Madrasah Mubtadi telah dibangunkan di kampung itu. Sekolah ini diusahakan oleh Haji Md. Zain bin Haji Kassim sekembalinya ia dari Timor Tengah.³⁴ Pada tahun 1940 sebuah lagi sekolah pondok telah didirikan di Paya Rumput. Pengasasnya, Lebai Wahid, telah cuba memberikan pelajaran agama kepada anak-anak yatim. Di bandar Melaka, Persekutuan Seruan Islam Se Malaya³⁵ atau *Jamaitul Da'awa al-Islamiyah* telah menubuhkan sekolah di kawasan mesjid Kampung Keling pada tahun 1938.³⁶ *Jamaitul Da'awa al-Islamiyah*, badan yang mendirikan sekolah ini merupakan pertubuhan yang menarik dari segi sejarah. Kita telah melihat betapa tahun-tahun dua puluhan dan awal tiga puluhan itu merupakan

30 Haji Ahmad bin Amin (1905–12 Ogos 1971) lahir di Tetentang, Jasin. Mendapat pendidikan Melayu hingga Darjah III dan belajar di sekolah pondok di Patani, Selatan Siam antara tahun 1921–1925. Beliau melanjutkan pelajaran agamanya di Mekah dalam tahun 1926. Beliau menuntut di Sekolah Darul Hadith, yaitu sebuah sekolah Wahabbi di Saudi Arabia. Kegiatan-kegiatan Ahmad Amin dalam gerakan Ansarul Sunnah lebih banyak selepas tamat perang. Lihat Aziz Mat Ton, *op. cit.*, hh. i, ii.

31 Sekolah ini terhenti dalam Perang Dunia II dan berfungsi semula selepas perang tamat. Tokok-tokoh yang membantu menjayakan perjalanan sekolah ini yalah Haji Abdullah Awal dan Haji Sharif Sukkar.

32 Sekolah ini telah mendapat bantuan kewangan Haji Mamat bin Repah secara khairat. Mohamad Ismail, *op. cit.*, hh. 19–20.

33 *Ibid.*, 21.

34 Beliau belajar disana selama sembilan tahun. Sebelum itu beliau telah menuntut di Sumatra selama empat tahun. Sekolah pondoknya itu dibiayai oleh beliau sendiri. Pelajar-pelajar yang belajar tidak pula dikenakan apa-apa bayaran kecuali membantu beliau dalam kerja-kerja di ladang dan bendangnya. Pada tahun 1935, Madrasah Mubtadi ini telah mendapat tambahan bangunan batu yaitu hasil derma dari Haji Ahmad bin Abdul Rahman. *Ibid.*, h. 23.

35 Lihat selanjutnya.

36 Sekolah ini lebih tersusun organisasinya. Guru Besarnya yalah Haji Md. Zain bin Haji Md. Yassin manakala guru penolongnya yalah Haji Husain bin Haji Fadzil.

period yang rancak dengan perbahasan-perbahasan antara kaum muda dengan kaum tua. Tetapi apabila badan ini dibentuk, ternampak suatu usaha untuk mengajak kedua-dua puak bekerjasama dalam kerja-kerja dakwah dan agama. *Jamiatul Da'awa al-Islamiyah* atau Persekutuan Seruan Islam Se Malaya itu telah dianggotai oleh pengikut-pengikut dari kedua-dua gulungan. Pemimpin-pemimpinnya juga terdiri daripada pemimpin-pemimpin kaum tua dan juga kaum muda.³⁷

Kemunculan Kelab-Kelab Sosial

Percubaan-percubaan awal dalam usaha untuk menubuhkan kelab-kelab atau persatuan-persatuan di Melaka hanya bermula selepas 1900. Kebanyakan dari pemimpin kelab-kelab sosial ini datangnya dari gulungan yang mendapat pendidikan Melayu sekular. Setakat yang diketahui, usaha-usaha untuk berorganisasi di Melaka bermula tatkala sebuah badan yang bernama *Jamiul-bari wal-Bahar* (Angkatan dilaut dan didarat) di tubuhkan di Trangkera pada tahun 1910.³⁸ Pertubuhan ini mempunyai *club house* sendiri. Tetapi kegiatan kelab ini hanyalah dibidang sosial dan sukan sahaja.³⁹ Menjelang penghujung tahun 1932 *Jamiul-bari wal-Bahar* telah tidak aktif lagi.⁴⁰ Pengurusan rumah persekutuannya tidak begitu baik dan ahli-ahlinya mulai menarik diri dari kelab itu.⁴¹ Pada tahun 1915 *Darul-Akhir* muncul di Banda Kaba dan wujud sehingga 1936. Satu lagi kelab yang lahir kira-kira pada waktu yang sama adalah Dandan Setia yang wujud di Tangga Batu dari tahun 1925. Kelab-kelab atau badan-badan yang muncul menjelang dekad ketiga abad ini lebih merupakan pertubuhan-pertubuhan pergaulan yang kecil yang menjalankan kerja-kerja kebajikan seperti tolong menolong dalam majlis perkahwinan dan waktu berlaku kematian. Selain dari itu ahli-ahlinya juga mengadakan kegiatan-kegiatan sukan.

Tahun-tahun dua puluhan dan tiga puluhan pula telah memperlihatkan kemunculan beberapa buah kelab yang keanggotaannya tidak semata-mata terhad kepada orang-orang Melayu saja. Diantara kelab-kelab itu adalah *Mohammedan Recreation*

37 Badan itu dipergerusikan oleh Haji Latiff bin Haji Tambi, seorang ulama kaum tua; tetapi setiausahaanya ialah Sayid Alwi bin Syeikh Al-Hadi, tokoh kaum muda dan anak kepada Sayid Syeikh Al-Hadi.

38 Mohamad bin Ismail menyebut kelab yang bernama *Jamiul-bari wal-Bahar* juga terdiri dalam tahun 1909. Tetapi menurut Hj. Mohd. Ali bin Hj. Abu Bakar seorang anak Trangkera yang pernah diwaktu remajanya membaca tarikh penubuhan kelab itu (seperti yang tertulis pada papan kenyataannya) tarikh penubuhannya ialah 1910. Temutanya dengan Hj. Mohd Ali bin Hj. Abu Bakar pada 7 November 1978 di rumahnya di Kampung Kolam, Limbongan.

39 *Suara Benar*, No. 17, 28 Oktober 1932.

40 Sekali pun Haji Latiff bin Hj. Tambi, pemilik Lateefiah Press, cuba membantunya dalam soal kewangan tetapi ternyata kelab itu beransur-ansur lumpuh juga akhirnya. *Suara Benar*, No. 27, 6 Disember 1932.

41 Kecaman-kecaman terhadap kelab itu datangnya dari golongan yang tidak setuju cara-cara kelab itu dikendalikan oleh anak-anak muda. Kemunduran kelab itu juga jelas kerana ramai diantara ahli-ahlinya yang tidak membayar yuran. Lihat *Suara Benar*, No. 31, 16 Disember 1932.

Club yang terdiri di Bandar Hilir (1920-28) dan Muslim Perhimpunan Setia yang ditubuhkan di Kubu pada tahun 1928 dan wujud hingga 1937.

Sebuah lagi kelab yang patut mendapat perhatian adalah Persekutuan Sentosa Persenangan Pengkalan Rama yang telah di tubuhkan dalam tahun 1923.⁴² Kelab ini boleh dikatakan kelab yang besar juga dan sangat populer dalam dekad ketiga abad ini. Tetapi kepopulerannya mungkin disebabkan oleh temasya-temasya ronggeng yang sering diadakan oleh kelab ini.⁴³ Pada tahun 1926, di Jasin pula telah terdiri Persekutuan Pelatih Setia Club Jasin. Di antara tujuan-tujuan kelab ini ialah memelihara kebajikan ahli-ahlinya; memajukan pelajaran agama Islam; dan mengembangkan kesenian dan kesukanan. Adapun Yang di Pertua kelab ini ialah Penghulu Abdullah bin Hj. Mohd Yusuf.⁴⁴ Bahawa kelab ini merupakan badan sosial yang bertujuan mendidik kerukunan hidup di kalangan ahlinya diperbuktikan oleh peraturan kelab yang melarang ahli-ahlinya dari berlaku sumbang dimata umum dan meminum arak atau berjudi.

Perihal pentingnya kemunculan kelab-kelab sosial ini diteliti kan ialah justru kerana kemunculannya itu merupakan bibit-bibit awal kesedaran masyarakat Melayu Melaka dalam usahanya menubuhkan organisasi-organisasi yang tersusun yang bakal melatih kepemimpinan Melayu Melaka buat menubuhkan badan-badan lain yang berorientasikan kesedaran ekonomi dan politik menjelang tahun-tahun akhir tiga puluhan dan selanjutnya. Kalau pada tahun-tahun dua puluhan orang Melayu Melaka masih hanya tahu menubuhkan organisasi-organisasi sosial dan budaya semata-mata, sedangkan masyarakat Melayu di negeri-negeri lain di Tanah Melayu sudah terlebih dahulu melaung-melaungkan perihal pentingnya membela nasib bangsa dan mengejar kemajuan ekonomi dan pelajaran, maka ini adalah justru kerana masyarakat Melayu Melaka pada zaman yang dibicarakan ini kekurangan sangat akan kepemimpinan yang mampu meniupkan api kesedaran itu. Mungkin satu sebab ialah lantaran tidak adanya sebuah surat kabar tempatan yang berbahasa Melayu sehingga lah menjelang September 1932.⁴⁵ Idea-idea *reformism* yang dibawakan oleh *Al-Imam* tidak pula mendapat tunjangan dari pemimpin-pemimpin kaum muda. Soal-soal kemajuan ekonomi dan pelajaran malah tidak menggugat kaum muda Melaka sehebat mana soal-soal ibadat keagamaan digugat seperti mana yang telah diperbahasakan oleh gulungan ini dengan kaum tua. Kalau idea-idea

42 *Suara Benar*, No. 44, 3 Februari 1933.

43 Tetapi apabila acara ronggeng dilarang diadakan dirumah persekutuannya dalam 1930 kepopulerannya merosot. Hanya pada tahun 1933 baru nyawa kelab itu dapat dipulihkan. *Loc. cit.* Pada tahun 1932—1933 Sentosa Persenangan Club Pengkalan Rama telah diketuai oleh Encik Hashim bin Demang Haji Ab. Ghani. *Suara Benar*, No. 8, 27 September 1932.

44 *D.O. Jasin 1060/1926*. Arkib Negara.

45 Surat kabar Melayu yang pertama-tama terbit di Melaka ialah *Suara Benar*. Surat kabar ini diterbitkan oleh Haji Mohd. Taib bin Haji Hashim, anak saudara Haji Latiff bin Haji Tambi yang memiliki percetakan Lateefiah Press. Keluaran pertama surat kabar ini ialah pada 2 September 1932. Tetapi penerbitannya tidak lama, hanya selama enam bulan sahaja. Keluaran terakhirnya ialah pada 10 Februari 1933. Penerbitannya ditamatkan kerana pengarangnya, Haji Mohd. Taib ingin menjalankan perniagaan lain. Dia kemudian-

reformis dan kemajuan yang dilaungkan oleh *Al-Imam* dan surat-surat kabar lain yang berselerak muncul di Singapura, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kelantan telah mendatangkan kesedaran dikalangan masyarakat Melayu di tempat-tempat lain maka di Melaka suasana polemik tentang kemajuan bangsa pada tiga dekad pertama abad ini boleh dikatakan tidak menimbulkan riak-malah sepi dan lengang.⁴⁶

Sungguhpun ada beberapa sumbangan tulisan-tulisan kewartawanan oleh beberapa orang guru dari Melaka kepada surat-surat kabar dan majallah yang terbit diluar Melaka, namun didalam negeri Melaka sendiri pada tahun-tahun dua puluhan itu kegiatan-kegiatan intelektualisme yang sebenarnya perlu untuk menjadi *catalyst* bagi kemajuan, boleh dikatakan tiada langsung. Sungguhpun Kesatuan Guru-guru Melayu Melaka sudah wujud semenjak 1 Februari 1923 namun kalau dinilai sumbangannya sebagai sebuah organisasi yang dapat membela kepentingan masyarakat dan Negeri Melaka maka tidaklah dapat dikatakan Kesatuan itu telah berjasa besar. Hal ini mungkin kerana anggota-anggota jawatankuasa-tadbirnya begitu terikat dengan disiplin jawatan mereka masing-masing dan mungkin mereka itu belum lagi menyedari peranan yang mereka boleh mainkan untuk memimpin masyarakatnya ke jalan kemajuan.⁴⁷ Sebaleknya pula, Kesatuan Guru-guru Melayu Melaka itu lebih merupakan sebuah badan yang menguruskan perkara-perkara sosial dan kebajikan guru-guru. Malahan dalam soal yang kedua ini pun masih diragukan. Dikatakan, Kesatuan itu terlalu dikongkong oleh kerajaan British melalui Penolong Nazir yang pula menjadi Yang Di Pertua pertubuhan itu. Jadi, sebelum perang dunia kedua, tinggallah Kesatuan Guru-guru Melayu Melaka sebagai sebuah badan yang semata-mata menggalakkan percampuran dikalangan guru-guru Melayu di dalam negeri Melaka.

Dalam pada itu, satu usaha yang baik demi memberikan manfaat kepada kaum guru Melayu di Melaka telah dibuat oleh KGMM. Atas dorongan kerajaan juga, KGMM telah berjaya menubuhkan sebuah syarikat yang bernama Syarikat Guru-guru Melayu Melaka pada 19 Januari 1926. Penubuhannya telah direstui oleh pejabat pelajaran Melaka dan tokoh-tokoh gerakan syarikat kerjasama seperti Kaptan Mohd. Noor Mohd Hashim dan Baba Jaudin yang telah memberi nasihat dalam pengurusan syarikat itu. Hasrat untuk mendirikan sebuah Syarikat Kerjasama untuk guru-guru Melayu ini mungkin telah dirangsang oleh kesedaran bahawa

nya menjadi pengurus kepada Syarikat Abdul Majid & Co., yang sungguhpun pada permulaannya maju tapi jatuh bengkrap sebab disalahtadbir. Lihat *Suara Benar*, No. 39, 13 Januari 1933. Lihat juga Mohamad Ismail, *op. cit.*, hh. 61–62.

- 46 Aziz Mat Ton ada menyatakan bahawa dalam temu-ramahnya dengan beberapa orang Melaka, tidak seberapa pula yang tahu pun tentang *Al-Imam*. Malah penjualan *Al-Imam* terpaksa dihentikan pada akhir 1907 kerana kurang sambutan. Lihat Aziz Mat Ton, *op. cit.*, h. 34, nk. 2.
47. Penubuhan Kesatuan Guru-guru Melayu Melaka telah di pelopori oleh Penolong Nazir Negeri Melaka iaitu Jalil Othman yang kemudiannya memegang jawatan yang Di Pertua yang pertama bagi pertubuhan itu; manakala seorang Guru Pelawat, Mohd Shah Yusof, telah menyandang jawatan Setiausaha KGMM yang pertama. Lihat Aziz bin Jonit, "Kesatuan Guru-guru Melayu Melaka, 1923–1960", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977.

kedudukan iktisad guru-guru Melayu di Melaka sangatlah buruk. Masalah pendapatan guru-guru Melayu yang sangat rendah telah dipersulitkan lagi dengan terdapatnya guru-guru yang berhutang kepada kaum ceti yang terkenal sebagai pengeksploit yang rakus di Melaka. Jadi, dengan harapan untuk melatih guru-guru menabong wang dan membuat pinjaman untuk membeli harta atau membayar hutang maka syarikat kerjasama itu didirikan.⁴⁸

Barangkali juga, secara tidak langsung, penubuhan syarikat kerjasama guru-guru itu telah pula menggalakkan beberapa orang guru untuk menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama di kampung-kampung mereka sendiri. Malahan, menurut Tuan Hj. Pmar bin Hj. Osman.⁴⁹ Serkam telah pun mempunyai syarikat kerjasamanya sendiri sejak tahun 1923. Syarikat itu, yang diberi nama Syarikat Ikhwan Muslimin Kompenin telah ditubuhkan pada 14 Julai 1923. Menjelang akhir tahun itu keahliannya berjumlah 164 orang. Modal pusingan yang terkumpul yalah \$820.00. Sebenarnya, Pemerintah British sememangnya menggalakkan penubuhan badan-badan syarikat kerjasama dikalangan bangsa peribumi untuk menolong mereka yang terdiri dari kaum tani mengatasi masalah mendapatkan kemudahan kredit. Justru itu British telah menubuhkan Jabatan Syarikat Kerjasama (*Co-operative Societies Department*) diperingkat persekutuan pada tahun 1921.⁵⁰ Maka justru kerana itu pada tahun-tahun terakhir 1920an dan 1930an terdapatlah kemunculan beberapa syarikat kerjasama di beberapa tempat di Melaka.⁵¹ Sebuah syarikat kerjasama yang terkemuka yalah yang didirikan di Simpang Empat, Serkam. Syarikat yang bernama Ab. Majid & Co., ini telah diasaskan pada tahun 1929 oleh beberapa orang guru Melayu di Serkam. Penaja-penajanya terdiri daripada Abdul Majid bin Abdul-rahman, Yahya bin Hj. Abdullah, Tain bin Hj. Tahir dan Abdul Hadi bin Awaluddin. Syarikat ini mempunyai beberapa cawangan yang mengendalikan kedai-kedai

48 Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat *Ibid*, hh. 68–78.

49 Tuan Hj. Omar b. Hj. Osman, seorang guru agama yang mengajar di Sekolah Ugama Umri, Serkam Pantai, pernah bertugas sebagai koresponden tempatan bagi surat kabar *Suara Benar*. Beliau seorang yang berminat dalam sejarah dan penulisan. Diwaktu mudanya beliau menganggotai badan-badan sosial dan agama. Pada beliau masih tersimpan buku catatan keahlian Syarikat Ikhwan Muslimin.

50 W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, h. 124 nk.

51 Pada tahun 1927 kedapatan syarikat-syarikat kerjasama di kampung-kampung Tanjong Rimau, Pulau Sebang, Gadek dan Sungai Petai dan pada tahun 1928 terdapat sebuah syarikat di Nyalas; pada tahun 1929 Kuala Sungai Baru dan Londang, sebuah kampung di Mesjid Tanah juga telah menyaksikan penubuhan syarikat kerjasama. Di Merlimau juga sebuah syarikat telah ditubuhkan dalam tahun 1935. Mungkin sekali beberapa kampung lain juga telah mendirikan syarikat tetapi penulis tidak mempunyai bokti-bokti tertulis. Ada pendapat yang malah mendakwa bahawa syarikat kampung yang tertua telah tertubuh di Pandang Sebang pada tahun 1923. Tetapi pendapat ini bersandarkan pada sumber yang lemah dan tak dapat dipertahankan. Tidak ada bokti tertulisnya yang *contemporary*. Lihat Johan bin Jendol, "Intelijensia Didikan Melayu Negeri Melaka 1920–1941", Latihan Ilmiah (Sarjana Muda Sastera), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hh. 126–129. Johan Jendol mendapat maklumatnya dari buku *Cendermata Syarikat-syarikat Kerjasama Negeri Melaka* yang diterbitkan dalam tahun 1970.

syarikat di bandar-bandar Melaka, Jasin, Alor Gajah, Masjid Tanah dan Merlimau. Tetapi syarikat ini menjadi bertambah mundur dan akhirnya terpaksa bubar sebelum pecah perang dunia kedua akibat salah tadbir. Mengikut Che'gu Ahmad bin Jeti yang kenal rapat dengan Hj. Taib bin Hj. Hashim, yang mengendalikan urusan syarikat, Hj. Taib bukan merupakan seorang pentadbir kewangan yang cekap. Sikapnya yang angkuh juga tidak membantu urusan perniagaan yang dikehendaki kannya.⁵² Betapa pun demikian, kepopuleran orang-orang Melaka menubuhkan badan-badan syarikat kerjasama telah menular menjadi semacam cendawan tumbuh di kawasan-kawasan luarbandar pada tahun-tahun tiga puluhan. Maka terdapatlah pada waktu itu syarikat kerjasama di daerah-daerah Alor Gajah dan Jasin.

Seandainya dapat ditaksir kemajuan orang-orang Melayu itu dari segi kebangkitan keintelektuilannya pada zaman dua puluhan ini maka kita tidak akan menemui organisasi-organisasi yang benar-benar berkesan dalam memberikan kepemimpinan masyarakat. Peranan guru-guru yakni kelompak yang pada relatifnya merupakan gulungan inteliijensia masyarakat Melayu Melaka dewasa itu pun tidak dapat dikatakan berkesan. Disebalik usaha-usaha penerokaan di bidang syarikat kerjasama yang kecil-kecilan itu tidak terdapat bokti yang nyata bahawa masyarakat benar-benar menikmati hasilnya.

Perkembangan Kesedaran Orang-orang Melayu Dalam Tahun-tahun 1930an

Akan tetapi keadaan ini mula berubah dalam tahun-tahun tiga puluhan. Zaman meleset yang menimpa dunia dari tahun 1929 hingga 1933 telah menyeret Tanah Melayu kedalam satu tempoh kesulitan ekonomi. Melaka, yang juga merupakan penghasil getah yang lumayan, telah mengalami kepayahan ekonomi dan orang-orang Melayu yang bergantung kepada pekerjaan menoreh getah, menjadi nelayan dan bertanam padi juga tidak lepas dari kemelesetan ekonomi.⁵³ Turunnya harga getah mendatangkan kesusahan yang tidak sedikit kepada kebanyakan penduduk. Pada zaman ini juga masalah penggadaian tanah kepada ceti-ceti sangat menjadi-jadi yang lebih memburukkan keadaan sosial orang-orang Melayu. Rasuah dipelbagai bidang termasuk rasuah untuk memilih calun guru bagi melanjutkan pelajaran di Tanjong Malim,⁵⁴ juga merupakan penyakit sosial yang menyolok pada masa itu.

Anihnya, pada tahun-tahun terakhir dekad ketiga dan awal dekad keempat itulah orang-orang Melayu Melaka mulai menceburkan diri didalam bidang perniagaan, khususnya dengan mendirikan Syarikat-syarikat kerjasama dan kedai-kedai

52 Temutanya dengan Che'gu Ahmad b. Jeti pada 8 November 1978, dirumahnya di Kampung Melaka Pindah, Alor Gajah.

53 Pada tahun 1931 terdapat seramai 5,710 pekebun kecil getah bangsa Melayu di Melaka. Manakala yang menanam padi pula yalah seramai 1,142 orang dan yang menjadi nelayan seramai 2,513 orang. Abdul Rahman Taib, "Zaman Meleset 1929–1933; Kesannya Keatas Orang Melayu Melaka", Latihan Ilmiah (Sarjana Muda Sastera), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, h. 12.

54 Pemilihan calun-calun itu ditentukan oleh Guru Pelawat atau Guru Nazir. Jadi, tidak sedikit peristiwa rasuah berlaku dimana calun-calun guru harus menyogokkan wang kepada mereka itu untuk mendapat pilihan. Lihat *Ibid.*, h. 49.

syarikat. Pada pertengahan 1932, Haji Taib bin Haji Hashim telah mempelopori perusahaan persuratkhabaran peribumi di Melaka dengan menerbitkan *Suara Benar* yang muncul pada 2 September 1932.⁵⁵ Kelahiran *Suara Benar* amat penting bagi negeri Melaka kerana bukan saja pengeluarannya itu merupakan usaha perdagangan tapi lebih penting lagi yalah kemunculannya telah menyediakan satu mimbar atau forum bagi gulungan cendikiawan Melayu Melaka membincangkan masalah-masalah masyarakat serta mendedahkan sebarang kelemahan masyarakat supaya kesedaran dapat disebarluaskan di kalangan mereka buat mengejar kemajuan dan kebajikan bangsa. Sesungguhnya pena Haji Taib, yang juga menjadi redakturnya [pengarang], sangat tajam sekali. Ia menyerukan dalam tiap keluaran *Suara Benar* agar orang-orang Melayu Melaka bangun dari lenanya dan mengambil contoh serta beriri hati terhadap bangsa-bangsa pendatang terutama Cina. Lantaran kecenderungan peribadinya adalah juga dalam bidang perniagaan maka tidak putus-putuslah ia menyeru supaya orang-orang Melayu umumnya menghadapi masalah ekonomi yang rumit itu dengan menubuhkan kedai—Syarikat⁵⁶ pekan-pekan sehari (pasar minggu)⁵⁷ dan kedai-kedai persendirian yang kecil-kecil.⁵⁸

Kesedaran ekonomi ini bukan saja akibat tekanan ekonomi dewasa itu tapi juga rasa iri hati dan jengkel terhadap gulungan Cina yang pada masa itu dianggap orang asing atau bangsa mendatang.⁵⁹ Kejengkelan terhadap kaum Cina ini didehdahkan juga oleh *Suara Benar* apabila kedai-kedai kopi Cina di Jalan Bunga Raya telah mengambil perempuan-perempuan Melayu untuk bekerja sebagai pelayan yang, mengikut pengarang surat kabar itu, menggalakkan perempuan Melayu jadi kupu-kupu malam.⁶⁰

Pandangan-pandangan yang diutarakan oleh penulis-penulis dalam *Suara Benar*

-
- 55 Haji Taib bin Hj. Hashim telah menerbitkan *Suara Benar* dengan bantuan kewangan dari bapa mertuanya yang juga bapa saudaranya, Hj. Latiff bin Hj. Tambi., Hj. Taib mendapat pendidikan Inggeris di High School Malacca.
- 56 Menjelang bulan Januari 1933 di Melaka terdapat tidak kurang dari 30 buah kedai-kedai syarikat. Misalnya Ujong Pasir, Pengkalan Rama, Ramuan China Kechil, Masjid Tanah, Bukit Lintang, Merlimau dan Sungai Rambai adalah diantara tempat-tempat yang telah mempunyai kedai syarikat pada awal 1930an. Lihat *Suara Benar*, No. 39, 13 Januari 1933.
- 57 Pekan-pekan sehari itu terdapat, antara lain-lain tempat, di Pengkalan Balak, Paya Rumput, Padang Sebang dan Lubok Cina.
- 58 Kedai makan dan kedai kopi pada awal tahun-tahun 1930an muncul di Mesjid Tanah, Pengkalan Balak, Merlimau dan Nyalas.
- 59 Dalam tulisan yang berjudul "Malaya bertitik peluh, Cina membolot kekayaan", pengarang mengomel betapa peniaga-peniaga Cina mengeksplotasi penanam-penanam padi Melayu. Katanya, "Beras yang biasa dijual 18 sen segantang kini dijual 36 sen" Pengarang juga menuduh bahawa petani-petani di Bacang telah ditekan supaya menjual padi dengan harga \$1.10 sepikul; manakala di Limbongan pula harganya lebih murah lagi, yaitu 80 sen sepikul dibeli oleh Cina. Tekenan-tekanan dibuat kerana petani-petani berhutang kepada orang-orang tanah bangsa Cina itu.
- 60 *Ibid.*

itu bolehlah dikatakan mewakili pandangan dan sentimen para cendikiawan Melayu Melaka pada tahun-tahun tiga puluhan.⁶¹ Sentimen perkauman anti-Cina menjadi lebih panas lagi apabila dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selat yang diadakan pada 5 Disember 1932 wakil khas Cina, Lim Cheng Yan telah menuntut agar anak-anak orang Cina yang berkahwin di Malaya diberikan pelajaran percuma kerana katanya kerajaan Inggeris tidak adil kalau memberikan pelajaran Inggeris percuma hanya kepada anak-anak Melayu sahaja.⁶² Tuntutan ini telah diserang hebat oleh pengarang *Suara Benar*,

..... Rungutan mereka itu boleh diibaratkan sebagai menunjukkan perasaan hasad di atas kemurahan kerajaan sehingga mereka itu mengatakan bahawa pelajaran Inggeris yang anak-anak Melayu telah mendapat itu semata-mata dengan perbelanjaan dari hasil bangsa-bangsa Malayan⁶³

..... seolah-olah anak-anak Melayu itu tidak ada pula memberi hasil kepada kerajaan pada hal kerajaan telah membelanjakan banyak wang kerana pelajaran bangsa-bangsa Malayan itu daripada hasil kedua-dua pihak Malayan dan Melayu tuntutan mereka itu boleh dipandang seolah-olah mereka berfikir bahawa negeri Malaya ini negeri Cina, jadi bangsa Cina mesti dipandang rata sebagai rakyat am dengan tidak boleh dibezakan ditentang anak-anak putera bumi — Melayu — yang mesti berhak lebih daripada mereka itu.⁶⁴

Sentimen anti-Cina dilahirkan selari dengan tuntutan-tuntutan supaya Perkhidmatan Awam Malaya [Malayan Civil Service] mengambil lebih ramai pegawai-pegawai Melayu.⁶⁵ Satu lagi rungutan yang ramai anak-anak Melayu lulusan dari sekolah-sekolah Inggeris telah tidak mendapat pekerjaan sedangkan "anak bangsa luar mudah saja mendapatnya."⁶⁶

Tulisan-tulisan dalam *Suara Benar* telah menggalakkan pembaca-pembacanya di Melaka untuk berbincang dan melahirkan pendapat mengenai soal-soal kemajuan bangsa baik di bidang ekonomi maupun pelajaran. Sindiran-sindiran tajam yang menjolok dan mengusik para pembaca telah mananamkan kesedaran dikalangan

61 Namun tidak kesemuanya penulis-penulis itu datang dari Melaka. Ada juga dari negeri-negeri lain, termasuk "IBHY" (Ibrahim Haji Yaakub) dari Bentong, Pahang.

62 *Suara Benar*, No. 29, 9 Disember 1932.

63 Lim Cheng Yan menggunakan nama 'Malayan' bagi bangsa Cina yang lahir di Tanah Melayu. Ini telah dikeritik oleh seorang penulis yang mendakwa hanya orang-orang Melayu saja yang berhak dipanggil Malayan. Lihat *Suara Benar*, No. 41, 20 Januari 1933.

64 *Suara Benar*, No. 38, 10 Januari 1933. *Suara Benar*, Nno. 41, Keluaran 20 Januari 1933 telah juga menyelar Tan Cheng Lock kerana juga "menuntut pelajaran bahasa sendiri dengan tanggungan kerajaan bagi anak-anak bangsanya."

65 Menurut pengarang *Suara Benar* dalam tahun 1931 terdapat hanya 9 orang pegawai Melayu dalam Malayan Civil Service tetapi di Melaka tidak ada seorang pun anak Melayu, sebaliknya ada 2 pegawai Serani dan seorang Cina.

66 *Suara Benar*, No. 23 September 1932.

para cendikiawan Melayu Melaka bahawa mereka harus berbuat sesuatu untuk memimpin masyarakat mereka. Kesedaran bahawa Melaka sangat-sangat memerlukan sebuah pertubuhan yang dapat menanamkan rasa kesatuan dan perpaduan masyarakat telah sedia ada pada Haji Mohd Taib bin Haji Hashim, pengarang *Suara Benar* itu. Sejak tahun 1932 lagi beliau telah menyuarakan,

..... Tidak syak lagi bahawa adalah persekutuan kaum Melayu ini tersangat besar faedahnya disisi kaum bangsa dan jika tidak ada sesuatu persekutuan yang menjaga kebajikan am memanglah lambat bagi sesuatu kaum bangsa itu dapat mencapai kepada panji-panji kemajuan tidakkah terlindung kepada tuan-tuan yang arifin bahawasanya negeri Melaka ini sebuah negeri yang tua tetapi tuanya itu ditentang umur dan ditentang gerak kemajuan selalulah ia jatuh corot kita harap patutlah sudah kiranya kaum Melayu Melaka istimewa ketua-ketuanya mengadakan suatu perhimpunan supaya digerakkan pekerjaan pada mendirikan persekutuan ini.⁶⁷

Haji Mohd Taib membuat seruan ini justru kerana ia mendengar di Singapura dan di Pulau Pinang sudah ada "persekutuan" seperti yang dimaksudkannya.⁶⁸ Pada penghujung tahun 1932 ia mengulangi lagi seruannya,

..... Persekutuan yang sangat-sangat dikehendaki di Melaka dizaman ini ialah persekutuan kebangsaan yang berhaluankan meninggikan mutu kebangsaan Melayu yang menarik faedah am terkhas kepada anak-anak bangsa Melayu⁶⁹

Ungkapan-ungkapan di atas jelas sekali menunjukkan kesedaran tentang nasib dan kebajikan bangsa Melayu Melaka itu telah benar-benar dirasakan dan keinsafan yang sedemikian itu telah pun mendapat pengucapan dari seorang tokoh cendikiawan Melayu yang cuba menggunakan pena kewartawannya buat menyalakan api kebangsaan. Tetapi ibarat cuba menyalakan api pada kayu yang basah, maka seruan pengarang *Suara Benar* ini tidak menimbulkan reaksi sehinggalah akhir tahun-tahun tiga puluhan.

Period awal tiga puluhan hanya memperlihatkan penerusan penubuhan kelab-kelab sosial⁷⁰ yang telah dirintis dalam dekad terdahulunya. Pertubuhan yang

67 *Suara Benar*, No. 8, 27 September 1932.

68 *Loc. cit.*

69 *Suara Benar*, No. 25, 25 November 1932.

70 Pada tahun 1930 Syarikat Al-Association telah ditubuhkan di Sungai Udang tapi sempat hidup hingga ke awal tahun 1933 saja. Tahun 1932 telah memperlihatkan kemunculan Sri Penghiburan Serkam Club atau kelab Serkam dan Sinaran Cahaya Club di Peinggit. Setahun kemudian, Mesjid Tanah memiliki Perhimpunan Club Setianya. Pada tahun 1934 pula sebuah kelab yang anggota-anggotannya terdiri dari orang-orang Melayu, Cina, Serani dan India telah ditubuhkan di Bandar Melaka. Kelab yang bernama Persatuan Peranakan Melaka ini hidup selama dua tahun saja. Kegiatan-kegiatannya hanyalah mengadakan temasya-temasya pergaulan, tari menari dan sukan. Tentang penubuhan kelab-kelab

agak *significant* dalam penelitian penulis adalah Kesatuan Melayu Melaka yang muncul pada 12 Mac 1938. Kewujudan organisasi ini bolehlah dikatakan buah yang terbit dari cita-cita pengarang *Suara Benar* kira-kira enam tahun terdahulunya. Keinsafan tentang perlunya sebuah badan pergerakan yang lebih positif dalam cita-cita mahu membela kepentingan bangsa Melayu Melaka itu menjadi kenyataan bila kira-kira lebih dua ratus orang telah hadir dalam satu perjumpaan yang diadakan di Sekolah Melayu Bukit Cina pada 12 Mac 1938.⁷¹ Turut menyertai perjumpaan itu adalah wakil-wakil Kesatuan Melayu Singapura yaitu Haji Embok Suloh,⁷² Haji Daud Md Shah,⁷³ Yusof Ishak,⁷⁴ dan Lt. Hj. Abdul Aziz,⁷⁵ kerana Kesatuan Melayu Melaka itu adalah cawangan kepada Kesatuan Melayu Singapura.⁷⁶

Dalam perjumpaan itu sebuah jawatankuasa untuk Kesatuan Melayu Melaka telah dibentuk. Haji Muhammad bin Abdul Rahman⁷⁷ telah terpilih sebagai Yang Di Pertua pertubuhan itu. Terdapat lima orang Naib Yang Di Pertua yang terdiri daripada Demang Hj. Ab. Ghani bin Ab. Manan,⁷⁸ Abdul Jalil bin Othman,⁷⁹ Demang Md. Dali bin Muhammad, Demang Haji Jaafar bin Awang dan Datuk

social, lihat Mohamad Ismail, *op. cit.*, h. 53, dan Md Jamal Suboh, "Pertempatan di Mukim Mesjid Tanah, 1900–1957", Latihan Ilmiah (Sarjana Muda Sastera), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hh. 109–110.

- 71 Khalid Ibrahim, "Gerakan Politik Orang-orang Melayu Melaka 1900–1941," Latihan Ilmiah (Sarjana Muda Sastera), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hh. 105–106, yang mendapat maklumat ini dari Mohamad Yusof Harun, Melaka. Nampaknya W.R. Roff keliru dengan tarikh bagi penubuhan Kesatuan Melayu Melaka yang dikatakannya 1937. Lihat Roff, *op. cit.*, h. 36.
- 72 Haji Embok Suloh bin Haji Omar, seorang saudagar keturunan Bugis, adalah Bendahari Kesatuan Melayu Singapura yang pertama. Beliau menjadi Yang Di Pertua pertubuhan itu dalam tahun 1934 menggantikan Eunos Abdullah yang meninggal dunia.
- 73 Haji Daud Md. Shah menjadi Yang Di Pertua Kesatuan Melayu Singapura dalam tahun 1937.
- 74 Yusoff Ishak bertugas di Warta Malaya Press sebagai Penolong Pengurus sehingga tahun 1938.
- 75 Tidak diketahui siapa dia tokoh ini.
- 76 Kesatuan Melayu Singapura telah didirikan pada tahun 1922. Perjuangannya adalah memimpin bangsa Melayu dan memainkan peranan dalam politik sedikit-sedikit dan dalam hal-hal pemerintahan supaya hak-hak kebijakan Melayu tidak terserah kepada orang-orang Muslim yang bukan Melayu. Lihat Roff, *op. cit.*, h. 191–192.
- 77 Haji Muhammad bin Abdul Rahman J.P., pernah menjadi Pengurus pertama Syarikat Guru-guru Melayu Melaka pada tahun 1924 (1926?). Lihat Abd. Rahman Taib, *op. cit.*, h. 112, nk. 102.
- 78 Datuk Penghulu Demang Haji Ab. Ghani bin Haji Ab. Manan dilahirkan sekitar tahun 1866. Beliau menjadi penghulu dan demang di Mukim Pengkalan Rama dan pernah memegang jawatan kerani Melayu dan tukang wang di Pejabat Tanah Melaka. Lihat *Malaya*, Bil. 7, November 1926, Th. I.
- 79 Abdul Jalil bin Othman adalah lepasan dari Maktab Melayu Telok Belanga, Singapura. Beliau pernah menjadi Penolong Nazir sekolah-sekolah Melayu yang pertama di Melaka. Lihat Khalid Ibrahim, *op. cit.*, h. 107.

Penghulu Naning, Othman bin Kering.⁸⁰ Sedangkan Setiausaha Bersekutu pertubuhan itu pula ialah Hashim bin Ab. Ghani⁸¹ dan Abdul Ghani Muhammad. Demang Haji Ab. Rahim Baba menyandang jawatan Bendahari dengan Ismail bin Mat sebagai Pemeriksa Kira-Kira. Selain dari nama-nama ini Kesatuan Melayu Melaka itu juga mempunyai 14 orang ahli-ahli jawatankuasa yang lain. Kemunculan pertubuhan ini berlaku hampir-hampir serentak dengan Persatuan Melayu yang wujud di Pahang dan di Selangor.⁸² Cita-cita yang ingin diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Melaka adalah seperti yang didukung oleh Kesatuan Melayu Singapura yakni untuk menggalakkan ahli-ahlinya memainkan peranan yang lebih besar dalam hal-hal awam dan pemerintahan; menunjang kemajuan bangsa Melayu dan memupuk minat dalam politik dan pelajaran serta menyuarakan kepada kerajaan bagi pihak masyarakat Melayu dalam semua hal yang berhubung dengan hak-hak dan kebebasan orang-orang Melayu,⁸³ seperti kesatuan induknya, Kesatuan Melayu Melaka juga berpegang teguh keapda kemurniaan bangsa untuk keanggotaan kesatuan dalam ertikata bahawa keanggotaan hanya terbuka kepada orang-orang Melayu tulin yang darah keturunannya berasal dari salah satu suku peribumi di Semenanjung Tanah Melayu atau di Gugusan Pulau-pulau Melayu.⁸⁴

Syarat yang menitikberatkan kemurniaan darah keturunan Melayu ini telah menimbulkan rasa tidak senang dikalangan orang-orang yang digelar Melayu DKK /Darah Keturunan Keling/ dan DKA /Darah Keturunan Arab/. Sebagai reaksinya, kaum peranakan India Muslim dan peranakan Arab telah mengambil langkah untuk menubuhkan pula sebuah cawangan Persekutuan Islam Singapura⁸⁵ di Melaka. Tujuannya ialah untuk menandingi Kesatuan Melayu Melaka yang berbentuk sekular itu. Jadi, pada 9 Oktober 1938, yaitu kira-kira tujuh bulan selepas Kesatuan Melayu Melaka ditubuhkan, lahirlah Persekutuan Seruan Islam Se Malaya Cawangan Melaka yang juga dikenali dengan nama *Jamiatul Da'awa al-Islamiyah*.⁸⁶ Diantara beberapa tokoh yang hadir dalam perjumpaan yang diadakan di Rumah Volunteer Melayu Melaka itu ialah Sayid Ibrahim Alsagoff yaitu Yang Di Pertua Persekutuan Seruan Islam Singapura.⁸⁷ Dalam perjumpaan itu suatu jawatankuasa bagi Persekutuan Seruan Islam Se Malaya Cawangan Melaka telah dipilih. Haji Ab. Latif bin Haji Tambi telah diangkat menjadi Yang Di Pertua pertubuhan. Lapan orang Naib Yang Di Pertua telah juga dipilih dan jawatan Setiausaha telah jatuh pada Sayid

80 Penulis tidak mempunyai maklumat tentang tiga tokoh ini.

81 Hashim bin. Ab. Ghani lahir pada tahun 1898 dan menerima pendidikan di High School Malacca dari 1907 hingga 1915. Pernah bertugas di Melaka dan juga Singapura sebagai kerani. Pada tahun 1925 mulai memegang jawatan jurubahasa mahkamah di Melaka.

82 Di Pahang Persatuan Melayu muncul pada bulan March 1938. Di Selangor pula Persatuan Melayu ditubuhkan pada bulan Jun 1938. Lihat Roff, *op. cit.*, h. 236.

83 Lihat nk. 75 diatas.

84 Roff, *op. cit.*, 191.

85 Persekutuan Islam Singapura telah ditubuhkan oleh orang-orang Arab dan India Muslim pada sekitar tahun 1900. *Ibid.*, h. 182.

86 Lihat hh. 14 diatas.

87 Khalid Ibrahim, *op. cit.*, h. 109.

Alwi bin Sayid Al-Hadi. Sidang telah juga memilih Ismail bin Mat dan Ahmad bin Jamal untuk mengisi jawatan Setiausaha Kehormat. K.P.Y. Ismail, seorang India Muslim, dipilih menjadi Bendahari pertubuhan.⁸⁸ Selain dari itu terdapat dua puluh orang ahli jawatankuasa.⁸⁹ Persekutuan ini bertujuan untuk menyebarkan dakwah Islamiyah, memupuk pendidikan Islam dan menjalankan kerja-kerja amal jariah dan kebajikan.⁹⁰ Justru kerana adanya orang-orang kaum muda dalam pertubuhan ini maka ada tanda-tanda bahawa polarisasi diantara kaum muda dan kaum tua yang berlaku pada akhir dua puluhan dan awal tiga puluhan itu sudah reda.⁹¹

Sekali pun tujuan asal pertubuhan ini mungkin untuk menyaingi Kesatuan Melayu Melaka, namun kepemimpinan *Jamiatul Da'awa al-Islamiyah* tidak perlu bimbang atau khuatir kerana pada hakikatnya Kesatuan Melayu Melaka ternyata sebuah pertubuhan pada nama sahaja. Kegiatan-kegiatan positif untuk mencapai cita-citanya tidak bermula pun justru kerana pemimpin-pemimpinnya kurang membuat penerangan kepada masyarakat setempat dan lagi badan ini tidak mempunyai program yang konkrit untuk melancarkan kegiatan-kegiatannya. Lagi pun pengawasan teliti dari pihak pemerintah British terhadap sebarang yang berbentuk organisasi peribumi tidak memberi banyak kesempatan kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan itu untuk menjalankan pergerakan. Sementalahnya pula, kebanyakannya pemimpin-pemimpinnya itu adalah terdiri daripada orang-orang yang makan gaji. Satu faktor lagi yang harus dipertimbangkan yah bahawa hampir separuh daripada ahli-ahli jawatankuasa Kesatuan Melayu Melaka itu adalah dari kepemimpinan tradisional yang terdiri daripada Datuk-Datuk Demang dan Penghulu.⁹²

Justru kerana pangkat, kedudukan dan latar belakang sosial dan ekonomi pemimpin-pemimpin itu maka amat sukarlah untuk mengharapkan bahawa mereka itu akan berani menguji Inggeris untuk berjuang seperti mana yang dijalankan oleh badan induknya, Kesatuan Melayu Singapura.⁹³ Jadi, menjelang tahun-tahun

88 Terdapat enam nama Melayu dan dua India Muslim yaitu K.P.Y. Ismail dan K.P.M. Abdul Karim. *Ibid.*, h. 147.

89 Diantara mereka itu ada juga nama-nama yang menjadi ahli Jawatankuasa Kesatuan Melayu Melaka. *Ibid.*

90 Kerja-kerja dakwah yang dijalankan termasuk juga memberikan syarahan-syarahan agama di mesjid-mesjid negeri Melaka. Pensyarah-pensyarah agama dari Sumatera Barat dan Singapura turut memberikan syarahan-syarahan itu. Lihat *Ibid.*, h. 111. Lihat juga hh. 14–15.

91 Malah setengah-setengah pihak beranggapan bahawa Persekutuan Islam Se Malaya. Cawangan Melaka itu adalah lebih condong kepada kaum muda. Lihat Khalid Ibrahim, *op. cit.*, h. 110.

92 Sepuluh dari jumlah 23 orang anggota-anggota yang memimpin terdiri daripada datuk-datuk atau bekas datuk-datuk demang dan penghulu. Sementara yang lain-lainnya terdiri daripada guru-guru imam dan pekerja-pekerja pejabat. Untuk senarai penuh nama ahli-ahli jawatankuasanya lihat *Ibid.*, hh. 145–146.

93 Tambahan pula kesatuan ini lebih cenderung mahubekerjasama dengan British. *Ibid.*, hh. 107, 114. Dalam sejarah period yang dikaji ini tidak pernah berlaku penentangan terhadap kerajaan oleh gulungan ini. Lihat nk. 13 diatas.

empat puluhan nama Kesatuan Melayu Melaka tiada berarti apa-apa lagi. Ketika persoalan Malayan Union menjadi begitu hangat diperbahaskan Kesatuan Melayu Melaka tinggal kaku dan beku tanpa sebarang reaksi. Saingannya, Persekutuan Seruan Islam Se Malaya juga telah mengalami kesulitan-kesulitan berorganisasi apabila Yang Di Pertuanya, Haji Abdul Latiff, meninggal dunia pada bulan September 1939.⁹⁴ Juga pada tahun yang sama Setiausaha pertubuhan itu, Sayid Alwi Al-Hadi,⁹⁵ pun telah meninggalkan pertubuhan itu kerana berpindah ke Johor Bahru. Betapa pun demikian, *Jamiatul Da'awa al-Islamiyah* itu wujud pada awal tahun-tahun empat puluhan, bersifat tidak lebih dari sebuah badan sosial-agama sahaja.

Penutup:

Pada penghujung tahun-tahun tiga puluhan, kesedaran bahawa kemajuan sosial, ekonomi dan pendidikan itu memang sudah dirasakan oleh para cendikiawan Melayu Melaka. Menjelang pecahnya Perang Dunia Kedua, ramai anak-anak Melaka telah lulus dari Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim. Pergaulan sosial mereka terhadap perkembangan-perkembangan politik yang berlaku di Semenanjung terhadap perkembangan-perkembangan politik yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu. Pada awal tahun 1934, pertubuhan Sahabat Pena telah ditubuhkan atas dayausaha yang dijalankan oleh suratkabar *Saudara*.⁹⁶ Sahabat Pena adalah sebuah persatuan yang bercorak politik dan menjelang pertengahan 1935 persatuan itu telah mempunyai lebih dari seribu orang ahli.⁹⁷ Untuk mengelakkan pertubuhan itu dari dituduh sebagai kumpulan rahsia, penaja-penajanya telah membentuk Persaudaraan Sahabat Pena atau PASPAM dan mendapatkan pendaftarannya pada tahun 1935. Sungguhpun pada lahirnya PASPAM berupa Persatuan Persuratan Melayu⁹⁸ sahaja tapi disebalik nama itu terselit cita-cita politik untuk menyatupadukan bangsa Melayu. Dengan semboyannya "Hidup Bahasa! Hidup-lah Bangsa" pertubuhan ini telah menanamkan semangat kebangsaan Melayu dikalangan cendikiawan Melayu. Pada kira-kira waktu yang sama juga, yakni ketika Sahabat Pena sedang naik namanya sebagai badan perjuangan bangsa Melayu disekitar tahun 1937 dan 1938 itu,⁹⁹ dua kelompok belia Melayu, yakni berpendidikan Melayu

94 *Ibid.*, h. 113.

95 Sayid Alwi b. Sayid Syeikh Al-Hadi, seorang wartawan, guru, dan pemimpin persatuan, adalah anak watan Melaka. Beliau lahir di Melaka dalam tahun 1993. Beliau tidak pernah duduk pada satu tempat kerana tenaganya banyak dicurahkan untuk mengajar, menjadi wartawan dan membantu memimpin organisasi-organisasi berbentuk sosio-agama. Beliau juga terlibat dalam Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) sekitar tahun-tahun 1934–35. Untuk maklumat selanjutnya lihat Roff, *op. cit.*, hh. 62 nk., 214, nk., 251, 219, 221.

96 Tentang *Saudara* dan Sahabat Pena, lihat Roff, *Ibid.*, hh. 212–215.

97 Menjelang akhir tahun itu keanggotaannya menjadi dua kali ganda banyaknya.

98 Di Johor Lembaga Bahasa PASPAM telah ditubuhkan pada 26 Disember 1938. Ahli-ahli terdiri daripada mereka yang datang daripada cawangan-cawangan sebelah selantan, termasuk Melaka. Wakil Melaka pada Lembaga Bahasa PASPAM itu ialah Haji Mohd Shah bin Yusof. Lihat *Buku Tahunan I, Taman Pasram*, 1940, h. 36.

99 Pertubuhan Persaudaraan Sahabat Pena Melaka telah dimulakan pada tahun 1938. Khalid Ibrahim, *op. cit.*, h. 117.

dan Inggeris telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda dibawah pimpinan Ibrahim bin Haji Yaakub yang pada waktu menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris telah menubuhkan Belia Malaya yaitu mencontohi pergerakan Belia di Indonesia yang muncul pada dekad-dekad terawal abad ini.¹⁰⁰ Pendedahan kepada peristiwa-peristiwa ini dan idea-idea tentang nasionalisme di Maktab Perguruan itu telah mempengaruhi juga penuntut-penuntut yang datang dari Melaka. Mereka ini kemudiannya tatkala kembali ke Melaka telah membawa kesan pengalaman dari Maktabnya.¹⁰¹

Maka pada 3 Ogos 1941 bertempat di Sulaiman Restaurant, Wolverston Road, Melaka, tertubuhlah Kesatuan Melayu Muda cawangan Melaka. Perjumpaan itu dihadziri oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Muda dari Kuala Lumpur yaitu Ibrahim bin Haji Yaakub, Onan Haji Siraj, Abdullah kamal dan Hassan Manan.¹⁰²

Pertemuan antara tokoh-tokoh yang berpendidikan Maktab Perguruan Tanjong Malim itu juga telah memilih Jawatankuasa KMM cawangan Melaka. Md Isa Bin Mahmud,¹⁰³ seorang tokoh yang aktif dalam penulisan-penulisan diakhtar-akhtar telah dipilih untuk mengepalai cabang di Melaka itu sebagai yang Di Pertua. Jawatan Setiausaha Agungnya dipegang oleh Ibrahim bin Endut dan jawatan Bendahari jatuh kepada Abdul Rahim bin Abu. Tetapi penubuhan KMM Cawangan Melaka ini ialah dalam suasana yang panas kerana dugaan-dugaan Perang Pasifik akan segera meletus sedang berwaspada di udara. Jelas, kira-kira tujuh bulan kemudiannya Jepun pun masuk menduduki Tanah Melayu. Jadi, tiadalah sebarang usaha yang konkrit dapat dijalankan oleh pergerakan ini.

Melihat kembali sejarah pertumbuhan kesedaran sosial orang-orang Melayu Melaka menjelang kemasukan tentera Jepun, penulis mencapai kesimpulan bahawa percubaan-percubaan memang telah ada dilakukan oleh beberapa tokoh, mulai dari Sayid Syeikh Al-Hadi hingga ke Ibrahim Yaakub untuk menggerakkan orang-orang Melayu Melaka supaya bergiat dalam pergerakan masyarakat atau bangsa. Tetapi pertubuhan-pertubuhan yang lahir itu, disamping merupakan cawangan dari pertubuhan-pertubuhan luar negeri Melaka,¹⁰⁴ tiada pula mendatangkan *impact* yang benar-benar berkesan kepada masyarakat. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kelembaban proses perubahan bagi masyarakat Melayu di Melaka tidak

100 Roff, *op. cit.*, h. 225.

101 Antara mereka itu ialah Md Isa bin Mahmud, Ibrahim bin Endut dan Mohammad Yusof bin Harun. Tentang bagaimana pengalaman mereka di Maktab Tanjung Malim itu lihat Khalid, Ibrahim *op. cit.*, hh. 144–116.

102 Khalid Ibrahim, *Ibid.*, h. 115 yang menerima maklumat dari Cikgu Mohd. Yusuf Harun.

103 Md Isa bin Mahmud, yang berasal dari Sungai Siput, Melaka dan seorang guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris, adalah seorang penyumbang rencana yang regular kepada *Suara Benar*, ketika surat-Kabar itu terbit selama enam bulan di Melaka. Beliau menggunakan nama samaran “Asmara”.

104 Kesatuan Melayu Melaka dan Persekutuan Seruan Islam Se Malaya mempunyai pertubuhan induknya di Singapura. Sedangkan Kesatuan Melayu Muda bermarkas di Kuala Lumpur dan Persaudaraan Sahabat Pena cawangan Melaka beribu pejabat di Pulau Pinang.

pula berarti keadaan terus tinggal beku dan statik. Seperti yang terbokti oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku kemudiannya terutamanya selepas zaman pendudukan Jepun, negeri Melaka juga turut diseret oleh perkembangan-perkembangan yang berlaku pada masyarakat Melayu di Semenanjung umumnya.

Barangkali akan timbul persoalan mengapa arus perubahan di Melaka pada waktu sebelum tercetusnya perang dunia kedua amat lembab. Untuk menjawabnya maka harus kita kembali melihat struktur kepemimpinan peribumi di Melaka. Seperti yang telah dinayatakan pada bahagian terawal tulisan ini, Melaka tidak mempunyai kelompok elite tradisional yang berterusan selepas leburnya institusi kesultanan Melayu pada tahun 1511. Dengan larinya Sultan terakhir dari negeri Melaka serta diiringi oleh bukan sahaja pembesar-pembesarnya tapi juga kaum cendikiawan istananya maka negeri Melaka telah menjadi ketandusan dari segi keintelektuilannya para pemimpinnya. Kekosongan atau *vacuum* dalam kepimpinan tradisional ini telah begitu menonjol sekali sejak zaman Portugis hingga ke zaman Inggeris memerintah. Para demang dan penghulu *bukan* terdiri dari gulungan elite tradisional itu.¹⁰⁵ Seseorang “orang biasa” pun boleh menjadi sidang, penghulu dan demang; tetapi pangkat-pangkat ini tidak dapat disamakan dengan orang besar-besar di negeri-negeri Melayu yang lain kerana tidak mempunyai unsur-unsur kebangsawanan seperti di negeri-negeri Melayu itu. Justru tidak adanya kepemimpinan tradisional ini maka nikmat pendidikan seperti yang dirasakan oleh ahli-ahli kelas bangsawan Melayu di negeri-negeri Melayu yang lain tidak dirasakan oleh gulungan elite ‘baru’ (yang terdiri dari penghulu dan demang) di Melaka. Hanyalah setelah tertubuhnya maktab-maktab perguruan untuk melatih calon-calon guru yang kelayakan akademiknya tidak pula tinggi, baru Melaka dapat melahirkan gulungan cerdik pandainya.¹⁰⁶ Tetapi justru kerana pemimpin-pemimpin baru itu hanya menerima pelajaran setakat sekolah rendah sahaja maka mutu dan kemampuan kepemimpinannya tidak bagitu unggul. Betapa pun demikian dalam suasana kekosongan itulah satu kelompok *intelligentsia* yang merupakan buah hasil dari sistem persekolahan Melayu telah lahir. Dan terserah kepada guru-guru Melayu itu tanggungjawab untuk memimpin dan memperjuangkan kepentingan masyarakatnya. Dan hasil dari keterlibatan mereka itu dalam pergerakan yang cuba membawa perubahan dalam masyarakatnya telah kita lihat.

Di sebalik kelembaban arus perubahan masyarakat Melayu Melaka menjelang perang dunia kedua itu kita dapat gambaran ini telah berubah secara radikal selepas era pemerintahan Jepun. Ternyata zaman pendudukan Jepun selama kurang lebih tiga tahun itu telah berjaya “mendidik” dan membuka mata serta selera dikalangan kelompok-kelompok orang Melayu yang terpelajar (baik yang menerima

105 Kecuali penghulu di Naning yang dapat dikatakan mewarisi pangkatnya dari “perut” orang besar-besar tradisional wilayah itu.

106 Walaupun ada juga ibu-bapa Melayu yang menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah Inggeris tetapi bilangannya amatlah terlalu kecil. Hanya selepas tahun-tahun 30an baru Melaka menyaksikan keluaran pelajar-pelajar dari sekolah Inggeris. Tetapi bilangannya masih belum dapat dikatakan besar jika dibandingkan dengan para lulusan SITC dan mereka yang lulus darjah sekolah Melayu.

pendidikan aliran Melayu mahu pun Inggeris) untuk memimpin. Buat pertama kalinya dalam sejarah orang-orang Melayu Melaka orang-orang Melayu yang menerima pendidikan Inggeris telah tampil kemuka beramai-ramai dalam mengendalikan badan pergerakan. Pada penghujung bulan Januari 1946 telah tertubuh Parti Kebangsaan Melayu Malaya cawangan Melaka yang membawa idea-idea kebangsaan, kemerdekaan dan kemajuan.¹⁰⁷ Walaupun pertubuhan ini mempunyai ramai pemimpin-pemimpin dari kalangan guru Melayu (terutamanya diperingkat daerah dan mukim) namun satu hal yang jelas yalah bahawa kepemimpinan tertinggi pertubuhan ini hampir kesemuanya dipegang oleh orang-orang yang berpendidikan Inggeris.¹⁰⁸ Kemunculan faham radikal yang condong kearah "kekiran" ini walaupun telah dimulakan oleh Kesatuan Melayu Muda cawangan Melaka, kini buat pertama kalinya mendapat penyusunan dan perlafazan yang lebih vokal dikalangan pemimpin dan pengikutnya, satu hal yang tak dapat dilakukan oleh KMM setelah ditubuhkan tak berapa lama sebelum Jepun masuk. Tetapi keradikalan ini tidak direstui oleh pihak penjajah British. Malah dikalangan pemimpin konservatif Melayu Melaka yang ramai anggotanya terdiri dari kaum guru pun arus perjuangan yang dibawa oleh PKMM itu tidak disenangi mereka. Maka lantaran itu, sebulan selepas PKMM cawangan Melaka didirikan, satu pertubuhan yang lebih moderate yang memakai nama Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka pun ditubuhkan. Pertubuhan inilah yang kemudiannya meleburkan dirinya dan merubah nama menjadi *United Malays' National Organization* (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu pada 28 Mac 1948. Dengan terlahirnya UMNO maka sekali lagi kepemimpinan Melayu Melaka jatuh ketangan kaum guru yang kebanyakannya adalah para lulusan dari Mactab Sultan Idris Tanjong Malim.

107 Mengenai sejarah dan perkembangan pergerakan ini lihat Ab. Rahman Yunus, "Politik Kiri Melayu Melaka 1940–1955", Latihan Ilmiah (Sarjana Muda Sastera), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977–78.

108 Jawatankuasa Pusat PKMM cawangan Melaka terdiri daripada:

- Haji Omar Hj. Hassan (Pengerusi)
- Mohammed Said Kemat (Naib Pengerusi)
- Mohammad Ab. Rahman (Setiausaha)
- Ab. Hai Hadi dan Jaafar Tan (Penolong Setiausaha)
- Ahmad Daud (Bendahari)
- Atan Chik (Penerangan)
- Ab. Karim Bakar (Ketua Angkatan Pemuda atau 'API')

Namun tidak semua ahli-ahli jawatankuasa itu terdiri dari mereka yang pernah mendapat pendidikan Inggeris. Mohammad Ab. Rahman, Yusoff Harun, Sabar Hj. Daud Bahari Wahid dan Mohd Som Duseh adalah diantara nama-nama pemimpin PKMM Melaka yang lulus dari Mactab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim. Pun, dalam pada itu tak boleh kita lupakan nama tokoh-tokoh pemimpin PKMM yang lain seperti, Ab. Rahman Bujang, Hj. Maidin Hj. Manaf, Hj. Talib Karim, Mohd Yusoff Sulong, Baharum Ludin, Muhit Hj. Kassim dan Sharif Sukar yang kesemuanya telah menerima pendidikan Inggeris selepas belajar di sekolah Melayu.